

# UTHM sahut cabaran Sukma 2013

**BATU PAHAT** - Seramai 37 mahasiswa Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) diberi penghormatan untuk mewakili kontinjen negeri ini dalam menghadapi cabaran Sukma 2013 yang akan berlangsung di Kuala Lumpur pada Jun ini.

Ketua Bahagian Komunikasi Korporat UTHM, Shafry Salim berkata, daripada 37 mahasiswa yang terlibat dalam Sukma, seramai 31 orang terdiri daripada pasukan mendayung UTHM yang memenangi beberapa siri kejohanan mendayung peringkat universiti dan terbuka.

Menurutnya, pasukan itu dilatih oleh dua atlet UTHM yang pernah mewakili negara di Sukan Sea 2011 iaitu Safuan Md Jani dan Mohd Zulfadli Rozali yang kini sedang menyambung pelajaran ke peringkat ijazah sarjana.

"Sebagai persiapan awal, atlit yang terpilih menjalani latihan di Stadium UTHM dan

Empangan Semberong, Air Hitam bermula dari November 2012 lalu.

"Selain pasukan mendayung yang mewakili Johor, atlet lain juga akan mewakili Negeri Sembilan dan Melaka bagi pasukan bola jaring dan futsal wanita, manakala beberapa atlet lagi yang akan mewakili pasukan pencak silat.

"Penglibatan mahasiswa UTHM dalam Sukma akan dapat mencapai sasaran kerajaan yang menyasarkan sekurang-kurangnya 30 peratus atlet negara lahir daripada pusat pengajian tinggi," katanya.

Menurut Shafry, UTHM berharap pencapaian yang ditunjukkan oleh pasukan mendayung, bola baling dan pencak silat akan menaikkan nama UTHM selaku hab pembangunan sukan baharu di selatan tanah air.

Katanya, hal ini kerana UTHM sebelum ini mendapat kerjasama dari pihak pengurusan tertinggi universiti, persatuan dan penggiat sukan.